

“

Harapan saya ialah melihat pasukan memanah kami dapat terus mewakili negara... menjadi lebih baik dan mantap demi membanggakan negara. Saya juga berharap penglibatan kami ini akan menjadi inspirasi kepada golongan yang kurang upaya lain agar tampil dan mengorak langkah utama dalam mengejar cita-cita mereka, baik dalam sukan mahupun apa jua bidang lain.

”

# Azam 2016

“

Menjadi seorang yang lebih baik secara keseluruhannya... dari aspek pelajaran, hubungan dengan keluarga dan kawan serta sukan silat... saya pun tahu kejohanan dunia akan dianjurkan lagi tahun ini dan tentunya saya berazam mahu memenangnya.

- Pesilat Muhammad Nur Alfian Juma'en. Wajahnya yang menunjukkan kegembiraan menang pingat emas di Sukan SEA Singapura tahun lalu masih segar dalam ingatan.

”



- Nur Syahidah Alim, antara srikandi Singapura yang memenangi dua pingat emas di Sukan Para Asean yang berlangsung di sini bulan lalu.

Berita Harian | Sabtu, 2 Januari 2016

## Sukan

BERSAMA



ANWAR YAHYA  
anwar@sph.com.sg



“

Moga saya terus dikurnia kesihatan yang berterusan. Saya berharap generasi muda kita akan lebih sukses dalam pendidikan dan segala apa yang mereka ceburi. Semoga mereka tidak gentar mencuba sesuatu yang baru... saya juga selalu mengharapkan adanya penyambung generasi terutama di kalangan warga Melayu kita mencuba dan menonjolkan bakat mereka dalam sukan menembak ini.

- Jaguh menembak, Mohd Zain Amat, yang turut menyumbangkan emas melalui acara 'trap' berpasukan di Sukan SEA Singapura yang lalu.

Azam utama saya ialah mengambil bahagian dalam perlumbaan 'Powerman Asia Duathlon' di Malaysia yang melibatkan lumba lari (10 km), berbasikal (65 km) sebelum menamatkan acara dengan satu lagi larian (10 km). Saya ghairah kerana belum pernah beraksi di perlumbaan ini. Mudah-mudahan juga, harapan saya menawan Maraton Everest Tenzing Hillary pada Mei ini tidak terhalang.

- Md Shariff Abdullah aka Singapore Blade Runner. Harapannya berlumba di Maraton Everest tahun lalu terpaksa dibatalkan kerana kejadian gempa bumi yang melanda Nepal.

